

Publication	khirkhalid.com	Section /Page No.	Online
Date	Wed, 6 th Dec 2017	Lead Article	-
Headline	Teraju@ECER Pacu Pelaburan Dan Peluang Pekerjaan Tempatan		

Teraju@ECER Pacu Pelaburan Dan Peluang Pekerjaan Tempatan

Pelabur tempatan, termasuk usahawan-usahawan Bumiputera terus memainkan peranan penting dalam memacu pertumbuhan sosioekonomi Kelantan, susulan usaha-usaha inklusif kerajaan menerusi Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) untuk meningkatkan penyertaan dan sumbangan usahawan mikro, kecil dan sederhana (PKS) dalam ekonomi tempatan.

ECERDC bersama rakan strategik, **Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU)** menerusi program TERAJU@ECER telah memperuntukkan dana mudahcara berjumlah RM6.8 juta kepada empat projek Bumiputera dalam sektor perkhidmatan, pembangunan dan hartanah. Projek-projek bernilai lebih RM56.6 juta bakal mewujudkan lebih 90 peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan, sekaligus menjadi platform meningkatkan taraf hidup melalui pendapatan yang lebih stabil.



YB Dato' Sri Mustapa bin Mohamed, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang juga merupakan Ahli Parlimen Jeli, telah melawat dan melancarkan stesen minyak PETRON di Batu Melintang, salah satu pelaburan swasta yang dijayakan melalui program TERAJU@ECER. Turut hadir adalah YBhg. Datuk Seri Jebasingam Issace John, Ketua Pegawai Eksekutif ECERDC.

Stesen minyak ini dikendalikan oleh Muby Al Jabal Sdn. Bhd., telah menerima Dana Mudahcara TERAJU@ECER yang menjadi tipping point untuk pelaburan swasta bernilai lebih daripada RM5.3 juta. Stesen minyak PETRON tersebut dijangka mewujudkan sebanyak 20 peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan.

Selepas majlis berkenaan, Dato' Sri Mustapa, ditemani oleh Datuk Seri Issace ke Universiti Malaysia Kelantan (UMK) untuk melancarkan majlis pembukaan Karnival Jeli Best 2017. Majlis turut disertai oleh 29 usahawan dan syarikat tempatan yang telah menerima manfaat daripada program pembangunan modal insan ECERDC. Peserta-peserta tersebut daripada pelbagai sektor seperti pembuatan, hartanah, makanan dan logistik turut mempamerkan produk dan perkhidmatan mereka di samping menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Untuk terus membantu perkembangan usahawan-usahawan empower ECER, dana mudahcara TERAJU@ECER dibawah Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera bernilai lebih RM104,840 diperuntukkan untuk pembelian peralatan seperti peti sejuk beku, pengadun kek, mesin jahit, peralatan salun dan pengantin telah diberikan kepada 15 orang usahawan empower ECER dari Jeli.

Pada majlis yang sama, Dato' Sri Mustapa turut menyampaikan sijil kecemerlangan kepada 57 orang pelajar yang mengikuti program Latihan Akademik empower ECER sebagai tanda pengiktirafan kejayaan mereka mendapat keputusan 5A ke atas dalam peperiksaan utama iaitu UPSR, PT3 dan SPM pada 2016. Kebanyakan mereka adalah pelajar kurang cemerlang daripada keluarga berpendapatan rendah di kawasan luar bandar sebelum dipilih untuk menyertai inisiatif ini.

Sehingga kini, lebih daripada 26,120 Rakyat di Kelantan telah menerima manfaat daripada program ECERDC. Jumlah ini termasuk 11,830 pelajar di bawah program Latihan Akademik empower ECER dan 3,020 individu di bawah program Latihan Kemahiran dan Keusahawanan empower ECER. Sebanyak 1,793 usahawan dan 212 syarikat juga telah mendapat manfaat daripada program entrepreneur ECER dan TERAJU@ECER.